

MDEC dan LinkedIn Tandatangani MoU untuk Bantu Meningkatkan Bakat dan Perniagaan Digital

- Antara kandungan MoU berkenaan, MDEC dan LinkedIn akan menganjurkan beberapa aktiviti dan inisiatif untuk melonjakkan penglibatan digital dalam perniagaan serta membangunkan bakat digital
- Ini merangkumi webinar yang menyasarkan untuk menambah baik halaman LinkedIn syarikat dan bagaimana membina halaman korporat antarabangsa menggunakan platform berkenaan untuk PKS bagi meningkatkan capaian antarabangsa.
- MDEC juga telah bekerjasama dengan LinkedIn dalam program pembangunan bakat digital sebelum ini seperti program Let's Learn Digital yang sedang berlangsung ketika ini.

CYBERJAYA, 19 OGOS 2021: Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), agensi utama yang menerajui agenda transformasi digital Malaysia telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan LinkedIn untuk meningkatkan penglibatan digital dalam perniagaan dan membangunkan bakat digital di negara ini.

Dimeterai pada 22 Julai 2021, MoU berkenaan memberi fokus kepada dua bidang strategik iaitu Meningkatkan Penglibatan Digital dan Melengkapkan Bakat Digital. Pertama sekali, kita akan melihat MDEC dan LinkedIn bekerjasama dalam meningkatkan penglibatan digital di kalangan syarikat tempatan bagi memastikan mereka kekal relevan serta efektif ketika menerokai persekitaran digital.

Aspek MoU ini juga akan melibatkan pelbagai aktiviti termasuklah webinar untuk menambah baik halaman LinkedIn syarikat dan juga membina halaman korporat antarabangsa menggunakan platform berkenaan untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bagi memperluas capaian mereka di peringkat serantau dan dunia.

Kedua, MoU berkenaan juga akan menyaksikan kedua-dua pihak bekerjasama dalam pelbagai inisiatif untuk membangunkan bakat digital di Malaysia. Ini termasuklah program yang sedang berlangsung ketika ini iaitu Let's Learn Digital 2021, di mana LinkedIn menawarkan kursus Jejak Pemasaran Digital kepada rakyat Malaysia.

LinkedIn juga akan berkoordinasi dengan MDEC bagi memperkenalkan sesi popular iaitu 'Rock Your Profile' kepada peminat dan penuntut di Institut Teknologi Digital Premier (PDTI) MDEC. Sesi 'Rock Your Profile' menyediakan petua bagaimana pengguna LinkedIn berpotensi merealisasikan kreativiti di profil LinkedIn mereka selain nasihat berkenaan profil, hantaran catatan panjang dan alatan LinkedIn lain yang digunakan oleh agensi profesional untuk meningkatkan produktiviti dan kejayaan.

Banyak perusahaan Malaysia yang telah memahami kepentingan penglibatan digital dalam perniagaan mereka. Menurut Jabatan Statistik Malaysia (DOSM), syarikat yang memiliki laman sesawang telah meningkat daripada 37.8 peratus pada 2017 kepada 53.9 peratus pada 2019.

Bagaimanapun, pandemik COVID-19 telah memacu proses pendigitalan tempatan dan global dengan lebih meluas, oleh itu kita memerlukan cara yang lebih inovatif untuk terus bersaing.

"Dua perkara yang menjadi elemen penting kepada syarikat pada hari ini ialah, memiliki penglibatan digital yang kukuh dan bakat digital yang berdaya saing. Pada akhirnya, kerjasama antara MDEC dan LinkedIn akan membantu memastikan perniagaan tempatan kekal kompetitif di peringkat dunia selaras dengan matlamat Pelan Induk Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL).

"Tambahan lagi, persekitaran pekerjaan juga telah mencatatkan perubahan yang cukup besar. Menurut Laporan Pekerjaan Masa Depan WEF, sebanyak 97 juta pekerjaan baharu akan tercipta dan 50 peratus daripada majikan memerlukan latihan semula menjelang 2025. Kerjasama strategik dengan LinkedIn ini merupakan salah satu bukti usaha berterusan MDEC bagi meningkatkan libat urus dengan syarikat teknologi global untuk menangani cabaran dalam ekonomi digital dan memperkukuhkan tenaga kerja

digital dalam usaha kami membantu pemulihan ekonomi Malaysia dan menyediakan peluang digital yang adil kepada rakyat dan perniagaan,” kata Surina Shukri, Ketua Pegawai Eksekutif MDEC.

“COVID-19 telah mempercepatkan proses penerimaan platform digital di seluruh Asia Tenggara. Transformasi digital telah menyebabkan banyak perubahan dalam sektor pekerjaan, sebagai contoh, ianya telah memacu penerimaan amalan baharu dalam perniagaan hampir ke semua syarikat di Malaysia. Oleh itu, persediaan perniagaan dan pekerja dengan kemahiran dan keupayaan digital telah menjadi perkara yang sangat penting untuk membantu mereka kekal relevan. Kami amat gembira kerana dapat bekerjasama dengan MDEC untuk memastikan perniagaan dan pekerja bersedia untuk bersaing dalam persekitaran digital pada hari ini,” kata Frank Koo, Ketua Asia, Penyelesaian Bakat dan Pembelajaran LinkedIn.

Pengumuman MoU antara MDEC dengan LinkedIn telah dilakukan di #MyDigitalWorkforce Week, iaitu pada minggu ketiga Malaysia Tech Month 2021 (MTM'21) MDEC. Program #MyDigitalWorkforce Week berlangsung dari 16 hingga 30 Ogos 2021 dengan menawarkan siri webinar dan seminar berkaitan kesedaran pekerjaan dan kerjaya digital. Pada program yang sama, Ekspo Pekerjaan Digital dijangka menawarkan 5,000 peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh lebih 100 buah syarikat.

Sebahagian daripada program #MyDigitalWorkforce Week, LinkedIn bersama-sama dengan Facebook dan Google akan terlibat dalam membincangkan inisiatif Let's Learn Digital MDEC. Untuk mendaftar #MyDigitalWorkforce Week dan maklumat lebih lanjut berkenaan program berkenaan boleh layari <https://mydigitalworkforceweek.my/>.

#MyDigitalWorkforce Week merupakan salah satu program dalam Malaysia Tech Month 2021, iaitu acara digital dan teknologi yang dianjurkan selama sebulan secara maya. Untuk maklumat, lanjut boleh layari mdec.my/mtm2021. Pengunjung dan peserta boleh mengikuti pelbagai program dan seminar serta berhubung dengan rakan lain yang menyertai MTM'21 menerusi aplikasi Hubilo Events yang boleh dimuat turun di [Google Play](#) dan MTM'21 [Apple App Store](#).

#TAMAT#

Mengenai Malaysia Tech Month 2021

Malaysia Tech Month 2021 (MTM2021) merupakan sebuah acara maya, bersiaran secara langsung selama sebulan, menampilkan kandungandigital dan teknologi berimpak tinggi seperti ucapan, bengkel, sesi panel dan sesi padanan perniagaan. Ia bakal menampilkan tetamu dan jemputan serta pelabur tempatan dan antarabangsa dalam berkongsi pendapat dan pengalaman mereka mengenai ekonomi digital yang dipacu oleh 4IR.

MTM 2021 akan menyaksikan program yang menyoroti peneraju dan pencipta ekosistem digital, syarikat-syarikat dan tenaga kerja berimpak tinggi, memastikan kesemua pemegang taruh dapat menerokai perspektif baru dalam trend terkini tempatan dan antarabangsa seperti kecerdasan buatan, teknologi dron, analitik data, teknologi kewangan dan tenaga kerja digital.

Menerusi sesi perbincangan yang melibatkan sektor awan dan swasta, lingkungan keusahawanan dan akademik, MTM 2021 berazam untuk memenuhi aspirasi MDEC demi memastikan impian Nadi Digital ASEAN akan tercapai dan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai perintis kebangkitan ekonomi digital buat masa sekarang dan di era pasca-pandemik. Sila layari mdec.my/mtm2021.

Mengenai Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang menerajui transformasi digital negara sejak 25 tahun lalu. MDEC membawa agenda Malaysia 5.0, membolehkan negara diintegrasikan dengan teknologi secara mendalam, seterusnya menyediakan peluang-peluang digital yang adil dan saksama kepada rakyat dan perniagaan.

Bagi mencapai matlamat ini, MDEC memberi tumpuan kepada empat teras DIGITAL utama iaitu Kemahiran Baharu (New skills), Penerimaan (Adoption), Pengganggu (Disruptors) dan Pelaburan (Investments). Ini membentuk asas kepada kempen jenama digital NADI MDEC yang memacu program-program terasnya untuk rakyat, perniagaan dan para pelabur. MDEC mensasarkan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang berdaya saing tinggi dari segi digital di peringkat global, berpandukan inklusif, kelestarian, dan kemakmuran bersama dan menetapkan asas yang kukuh untuk Malaysia sebagai Nadi Digital ASEAN.

KENYATAAN MEDIA



#Malaysia5.0 #NadiDigital #SayaDigital #MHODA #MyMDEC

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut melalui inisiatif-inisiatif Ekonomi Digital MDEC, layari www.mdec.my atau ikuti kami di: Facebook: <https://www.facebook.com/MyMDEC/>
Twitter: @mymdec

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Dashika Gnaneswaran _dashika.gnaneswaran@mdec.com.my
Simon Yap _simon.yap@mdec.com.my